

NARRATIVE TECHNIQUES IN THE HADITH NARRATED BY *ṢAḤĪḤ AL-BUKHARĪ*

TEKNIK PENCERITAAN HADIS NARATIF DALAM *ṢAḤĪḤ AL-BUKHARĪ*

Nurhasma Muhamad Saadiⁱ, Yuslina Mohamedⁱⁱ, Wan Moharani Mohammadⁱⁱⁱ, Muhammad Marwan Ismail^{iv} & Zulkipli Md Isa^v

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. nurhasma@usim.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. yuslina@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. moharani@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. marwanismail@usim.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. zulkipli@usim.edu.my

Abstract	<p><i>The narrative technique or presentation is an effective technique to deliver the ideas, inspiration, materials, characters, plots, and story backgrounds in written texts as it can influence the reader's mind and understanding. Thus, we found that the text of the Quran and hadith has pioneered the narrative technique over the last 1400 years which can be seen through the stories in the Quran and hadith that presented with the outstanding language and its style. Yet, the narrative technique in the encyclopedia of Ṣaḥīḥ al-Bukharī or Ṣaḥīḥ Muslim has dominated by the words of the Prophet PBUH which are classified as wisdom, advice, ibrah, maui'zah, and gentle reminders in very high language values. Hence, this article aims to study the narrative technique in the hadiths narrated by al-Bukhari as a sample study. This study is a qualitative study which is using descriptive analysis, to analyze the data generated from the encyclopedia of Ṣaḥīḥ al-Bukharī to identify the existing techniques of narrative in Ṣaḥīḥ al-Bukharī and categorize the types of narrative techniques by coding. The data had discussed in detail to identify the narrative technique and its types in the hadith narrated by al-Bukhari. The study summarizes the findings that show the description techniques, repetition techniques, dialogue techniques, and amthal techniques that are used frequently in hadiths narrated by al-Bukhari.</i></p> <p>Keywords: <i>Story, Hadith, Narrative, Technique, Ṣaḥīḥ al-Bukharī.</i></p>
Abstrak	<p><i>Teknik penceritaan atau persembahan adalah satu teknik yang berkesan dalam penyampaian sesuatu idea, ilham, inspirasi, bahan, watak, plot dan latar yang terdapat dalam sesebuah teks karya penulisan yang dihasilkan kerana ia dapat mempengaruhi pemikiran dan pemahaman pembaca. Dengan demikian, kita dapati bahawa teks al-Quran dan hadis telah mempelopori teknik penceritaan ini sejak 1400 tahun yang lalu melalui kisah-kisah al-Quran dan hadis dengan kesantunan bahasa yang tinggi nilainya dan gaya penyampaiannya. Teknik penceritaan dalam Ṣaḥīḥ al-Bukharī atau Ṣaḥīḥ Muslim telah mendominasi kata-kata Baginda SAW yang diklasifikasi sebagai ungkapan hikmah, nasihat, ibrah, maui'zah dan peringatan yang lunak serta tinggi nilai bahasanya. Justeru,</i></p>

	<p><i>makalah ini bertujuan mengkaji teknik penceritaan hadis-hadis naratif dalam Ṣaḥīḥ al-Bukharī sebagai sampel kajian. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan metod diskriptif analisis, iaitu mengumpul data-data yang bersumberkan Ṣaḥīḥ al-Bukharī dan menganalisa teknik-teknik penceritaan hadis naratif yang terdapat dalam Ṣaḥīḥ al-Bukharī serta mengkategorikan jenis-jenis teknik penceritaan tersebut dengan menggunakan kod. Data kajian dibincangkan secara terperinci bagi mengenal pasti teknik penceritaan dan jenis-jenisnya yang terkandung dalam Sahih al-Bukhari. Kajian merumuskan bahawa dapatan menunjukkan teknik pemerian, teknik pengulangan, teknik dialog dan teknik amthal digunakan dalam hadis naratif dalam Ṣaḥīḥ al-Bukharī.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Cerita, Hadis, Naratif, Teknik, Ṣaḥīḥ al-Bukharī.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Teknik penceritaan atau naratif ialah satu bentuk penyampaian melalui cerita sama ada dalam penulisan atau lisan, yang meliputi pelbagai jenis *kalām ma'thūr* daripada al-Quran dan hadis serta prosa sastera seperti cerpen, novel, drama dan seumpamanya, yang terdapat unsur pemakaian bahasa yang indah dan menarik, yang dapat mempengaruhi pemikiran pembaca atau pendengar, dan dapat memahami maksud yang tersurat dan tersirat retorik penceritaan tersebut. Antara teknik penceritaan yang didominasi pengarang ialah dialog, monolog dalaman, pemerian, imbas muka dan sebagainya (Fatimah, 2003).

Tidak dapat dinafikan bahawa teknik penceritaan dalam sastera prosa telah diperkenalkan sejak kurun pertama hijrah iaitu pada empat belas kurun yang lalu, bermula dari wahyu pertama yang diturunkan melalui perutusan berwasit Jibrail AS kepada Rasulullah SAW selama 23 tahun. Teknik ini terkandung dalam surah-surah al-Quran yang terhias dengan retorik bahasa yang sangat tinggi dan indah yang tiada tandingan dengan segala prosa yang dikarang di muka bumi ini (Ainon, 2011).

Selain retorik dalam teknik penceritaan al-Quran, retorik teknik penceritaan hadis merupakan sumber agung yang kedua selepas al-Quran yang merupakan *dustūr* kehidupan serta petunjuk sekalian alam. Teknik penceritaan dalam hadis menampakkan dengan jelasnya bagaimana Rasulullah SAW menguasai gaya penyampaian yang bersesuaian dengan masa, tempat dan masyarakat seperti yang terdapat dalam karya ensiklopedia hadis *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang menjadi sumber rujukan dan asas kepada teori teknik penceritaan yang terkaya dengan retoriknya ('Iz al-Dīn, 1984; 'Itr, 2013).

Di samping al-Quran dan hadis, teknik penceritaan yang sering kita temui dalam karya-karya teks penulisan sastera asli seperti cerpen, novel, drama, skrip pementasan dan lain-lain, bertujuan menyematkan nilai gaya bahasa dan mutunya dalam penyampaian sesuatu plot penceritaan agar dapat menarik perhatian pembaca serta dapat menjiwai penyampaian sesuatu karya tersebut. Teknik penceritaan dalam prosa sastera amat penting kepada seseorang pengarang kerana dengan menguasai teknik, seseorang pengarang dapat menyampaikan sesuatu perutusan atau motif dengan lebih halus dan berkesan (Fatimah, 2003).

Tidak dapat dinafikan teknik penceritaan al-Quran dan hadis merupakan asas kepada teori teknik penceritaan yang telah menjadi rujukan asas sejak 1400 tahun yang lalu, dan menjadi pencetus utama yang signifikan kepada teori teknik penceritaan dalam prosa sastera atau teks karya asli pengarang masa kini (Ainon, 2011). Dengan demikian, kajian ini memperkenalkan teori teknik penceritaan yang terdapat dalam hadis naratif yang dipetik dari sumber primer ensiklopedia *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* sebagai contoh pilihan dan menjadikan teknik ini satu bentuk model huraian teknik penceritaan berasaskan hadis naratif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah diskriptif analisis iaitu melalui kajian kepustakaan untuk mengumpul data-data yang berkaitan teknik penceritaan dalam hadis naratif, huraian, kesimpulan dari bahan rujukan dan maklumat yang bersesuaian dengan teori yang digunakan. Pengarang dan hadis yang dikaji adalah dari sumber rujukan primer yang ditetapkan iaitu ensiklopedia hadis naratif *Ṣaḥīḥ al-Bukharī*.


Kajian kepustakaan ini adalah kajian asas kepada kajian diskriptif analisis yang merupakan kajian dari sumber rujukan ilmiah sebagai rujukan utama (primer) iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* (Ensiklopedia *Ṣaḥīḥ al-Bukharī*, <https://www.bukhari-pedia.net/>), manakala web hadis (<https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>) menjadi rujukan koleksi *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* dalam bahasa Melayu dan diikuti buku-buku ilmiah.

Berdasarkan jenis-jenis teknik penceritaan yang pelbagai, pengkaji telah menjadikan jenis-jenis ini sebagai data semasa dianalisa dan meletakkan kategori jenis penceritaan dengan menggunakan teknik-teknik ini yang dijadikan asas kepada kod penceritaan dalam hadis naratif seperti Jadual 1 berikut:

Jenis teknik penceritaan	Kod kategori
Teknik dialog	01
Teknik perulangan	02
Teknik <i>amthāl</i> atau <i>tamthīl</i>	03
Teknik pemerian	04

Jadual 1: Kod jenis teknik penceritaan

Setiap hadis naratif yang dikenal pasti teknik penceritaan di dalamnya, dihuraikan maksudnya dan kesimpulan teknik penceritaan yang terdapat dalam hadis naratif tersebut. Pelaksanaan kajian ini dijalankan secara sistemetik berasaskan fakta dari teknik penceritaan dalam hadis naratif agar dapat mencapai objektif yang telah digariskan. Proses analisis yang dijalankan adalah seperti dalam gambar Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Proses pelaksanaan kajian

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Teknik Penceritaan

Teknik penceritaan ialah cara seseorang pengarang mempersembahkan karyanya agar menjadi lebih menarik dan berkesan iaitu dengan menguasai penyampaian keseluruhan struktur sesebuah karya kesusasteraan prosa, termasuk penyusunan plot, penyelenggaraan perwatakan, penggunaan latar dan sebagainya (Fatimah, 2003).

Pengarang atau penulis akan menggunakan kepelbagaian teknik untuk menimbulkan keindahan berbahasa dan estetika (retorik penyampaian). Penggunaan teknik yang sesuai adalah penting untuk melihat sama ada pengarang itu berjaya atau tidak menghasilkan sebuah karya yang baik. Ini kerana teknik penyampaian atau penceritaan itu ialah cara penulis atau pengarang menyampaikan atau membentangkan karyanya (Fatimah, 2003). Cara ini adalah pandangan keseluruhan karya yang menjadi identiti penulis.

Ramli (1989) mendefinisikan teknik penceritaan sebagai cara pengarang menyerapkan unsur untuk tujuan menghidupkan kejadian yang dilukiskan sepanjang perkembangan jalan cerita atau plot sama ada bersifat kronologi atau tidak. Antara unsur-unsur itu ialah lintasan kembali, lintasan muka, kejutan dan pertentangan.

Menurut S. Othman Kelantan (1986) teknik penceritaan dalam karya sastera dapat menentukan sesebuah karya sastera itu dapat membawa persoalan seperti tema, perwatakan, latar, stail dan sebagainya. Teknik ini amat penting kepada seseorang pengarang untuk menulis karya sastera kerana dengan menguasai teknik seseorang pengarang dapat menyampaikan sesuatu perutusan atau motif dengan lebih halus dan berkesan. Mengetahui tentang teknik bererti bagaimana cara menulis karya sastera dengan baik. Walaupun kejayaan sesebuah karya sastera bukan semata-mata bergantung kepada teknik penyampaian, akan tetapi dengan mengetahui teknik bererti seseorang pengarang itu dapat menentukan dengan berkesan dan munasabah bagaimana hendak mengatur dialog, monolog, monolog dalaman, arus kesedaran, imbas kembali, imbas muka (*flash forward and foreshadowing*) dan sebagainya yang menjadi komponen dalam teknik penceritaan.

Penciptaan atau pengarangan karya sastera menurut Shahnnon (1979) sama seperti proses penciptaan karya-karya seni yang lain, adalah satu kegiatan yang didukung oleh orang-orang yang diberi bakat mencipta, yang kemudian sedar tentang kebabatannya dan berusaha mengeksploitasi bakat itu seluas mungkin untuk tujuan kemanfaatan dan keindahan bersama melalui gaya atau teknik yang khusus sehingga terhasilnya karya sastera tersebut. Justeru, pemilihan teknik penceritaan yang sesuai penting untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada pembaca.

Terdapat pelbagai teknik penceritaan yang boleh digunakan dalam penghasilan karya sastera, iaitu: teknik dialog, teknik monolog, teknik pemerian, teknik imbas kembali, teknik imbas muka dan teknik suspens atau kejutan (Fatimah, 2003). Teknik-teknik ini telah digunakan secara meluas dalam persembahan hasil karya sastera. Terdapat beberapa teknik yang jarang disebut dalam penghasilan karya sastera Melayu seperti; teknik perulangan dan teknik perumpamaan iaitu *tamthil* atau *amthāl* telah digunakan dalam hadis-hadis naratif (Talib, 2002).

Tidak dapat dinafikan teknik-teknik penceritaan dalam sesebuah karya sastera sangat penting. Tanpa menggunakan teknik yang sesuai sudah tentu pemikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang menjadi samar dan tidak jelas. Penggunaan teknik yang sesuai akan menghidupkan lagi mesej yang disampaikan oleh pengarang dan menarik minat pembaca untuk membaca sesebuah hasil karya sastera. Teknik dan isi kandungan dalam sesebuah karya sastera adalah unsur yang penting. Ketidakseimbangan antara keduanya akan menjejaskan nilai sesuatu karya (Fatimah, 2003).

Teknik-Teknik Penceritaan Dalam Hadis Naratif

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, naratif didefinisikan sebagai cerita atau kisah tentang peristiwa, pengalaman, dan lain-lain: bolehlah dikatakan bahawa sesuatu naratif

seperti cerpen, cereka dan sebagainya adalah merupakan hasil daripada prestasi linguistik. Yang menceritakan (mengisahkan): gaya naratifnya juga mirip karangan biasa: puisi naratif puisi (sajak) yang mengisahkan sesuatu (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=naratif> 3 April 2021). Justeru, hadis naratif boleh ditakrifkan sebagai hadis yang berbentuk cerita atau hadis yang mengandungi unsur-unsur penceritaan di dalamnya ('Iz al-Dīn, 1984; Kamarul Azmi, 2007).

Hadis menonjolkan pelbagai teknik penceritaan yang merupakan kata-kata dan ungkapan Nabi Muhammad SAW yang amat tinggi mutunya dan merupakan susunan kata-kata yang mengandungi pengertian yang amat mendalam. Teknik penceritaan yang terdapat dalam hadis amat berbeza dengan teknik penceritaan yang terdapat dalam sesebuah karya prosa. Antara teknik-teknik penceritaan yang terdapat dalam hadis ialah seperti teknik dialog, pengisahan atau penceritaan, gabungan teknik dialog, pengisahan atau perulangan, teknik *amthāl* dan lain-lain lagi (Talib, 2002). Hadis Nabi SAW merupakan karya seni yang mempunyai nilai bahasa yang tinggi dan mempunyai seni pengisahan dan teknik penceritaan yang indah. ('Iz al-Dīn, 1984). Teknik-teknik penceritaan hadis naratif dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* dapat dirumuskan seperti berikut:

Teknik Dialog

Dialog membawa maksud percakapan atau pertuturan antara watak-watak dalam sesebuah karya. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) dialog merupakan kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksiyen. Manakala menurut Talib (2002) yang mengambil pandangan Ilias pula, menyatakan dialog membawa maksud perbualan antara dua watak atau lebih untuk menyampaikan sesuatu peristiwa kepada pembaca. Teknik dialog ini banyak digunakan dalam penceritaan untuk menghidupkan cerita. Ia merupakan teknik penceritaan dominan yang menepati keperluan teori-teori naratif Melayu, Islam dan Barat.

Teknik ini digunakan untuk menghidupkan peristiwa dan rangkaian peristiwa yang dilakarkan dan mengurangkan minda pembaca. Teknik dialog dalam hadis ini berupaya menjelaskan suasana peristiwa, pemikiran watak dan perwatakan yang bertujuan memperindahkan perlukisan cerita dan menghilangkan ketegangan pembaca untuk menikmati karya sastera dengan cara yang semaksimum mungkin untuk memanusiasikan jiwa manusia (Talib, 2002).

Teknik dialog yang terdapat dalam hadis *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* amat ketara perbezaannya. Antara jenis-jenis dialog dominan yang terdapat dalam hadis *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* ialah:

i. Dialog Antara Nabi Muhammad SAW Dengan Para Sahabat

{ عَنْ سَهْلِ قَالَ: مَرَّ رَجُلٌ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: «مَا تَقُولُونَ فِي هَذَا؟». قَالُوا: حَرِيٌّ إِنْ حَطَبَ أَنْ يُنْكَحَ، وَإِنْ شَفَعَ أَنْ يُشَفَّعَ، وَإِنْ قَالَ أَنْ يُسْتَمَعَ. قَالَ: ثُمَّ سَكَتَ، فَمَرَّ رَجُلٌ مِنْ فُقَرَاءِ الْمُسْلِمِينَ، فَقَالَ: «مَا تَقُولُونَ فِي هَذَا؟» قَالُوا: حَرِيٌّ إِنْ حَطَبَ أَنْ لَا يُنْكَحَ، وَإِنْ شَفَعَ أَنْ لَا يُشَفَّعَ، وَإِنْ قَالَ أَنْ لَا يُسْتَمَعَ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «هَذَا خَيْرٌ مِنْ مِلءِ الْأَرْضِ مِثْلَ هَذَا» }

Maksudnya: Dari Sahl RA telah berkata: "Ada seorang lelaki lalu di depan Rasulullah SAW. Maka Baginda SAW telah bersabda kepada para sahabat: "Bagaimanakah pendapatmu tentang lelaki ini?" Mereka menjawab: "Orang ini kalau dia meminang, pinangannya hendaklah diterima. Kalau dia minta tolong, harus ditolong. Kalau dia berbicara, harus didengar." Sahl RA telah berkata: "Kemudian Baginda SAW diam. Setelah itu lalu pula di depan Rasulullah SAW seorang lelaki Islam yang miskin. Maka Baginda SAW telah bertanya: "Bagaimana pendapatmu tentang orang ini?" Mereka menjawab: "Orang ini kalau dia meminang jangan diterima, kalau dia minta tolong jangan ditolong, kalau dia berbicara

jangan didengar.” Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Orang ini lebih baik daripada seluruh kekayaan dunia yang seperti ini.” (Hadis. Al-Bukhariyy. *Bāb al-Akfā’ Fi al-Dīn*. 4803)

Hadis yang diriwayatkan oleh Sahl RA ini, Nabi SAW menunjukkan contoh yang praktikal tentang indikator atau ukuran kelebihan seseorang dengan yang lain. Ukuran tersebut ialah dari aspek agama dan ketakwaan, dan bukannya pada kekayaan atau kemiskinan (Ibn Hajar, 2013; <https://www.dorar.net/hadith/sharh/4197>, 2021). Analisis teknik dialog di antara Nabi SAW dengan sahabat dalam hadis di atas adalah seperti berikut: menggunakan laras bahasa pertanyaan (الاستفهام) dengan penggunaan partikel (ما) untuk bertanyakan sesuatu perkara yang tidak diketahui (*Al-Rajīhī*, 2000). Teknik dialog antara Nabi SAW dan para sahabat banyak terdapat dalam hadis *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* seperti hadis di atas (Itr, 2013).

ii. Dialog Nabi Muhammad SAW Dengan Orang Kafir

{ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: بَيْنَا أَنَا أَمْشِي مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَرْبِ الْمَدِينَةِ، وَهُوَ يَتَوَكَّأُ عَلَى عَسِيبٍ مَعَهُ، فَمَرَّ بِنَفَرٍ مِنَ الْيَهُودِ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ: سَلُوهُ عَنِ الرُّوحِ. وَقَالَ بَعْضُهُمْ: لَا تَسْأَلُوهُ، لَا يَجِيءُ فِيهِ بِشَيْءٍ تَكْرَهُونَهُ. فَقَالَ بَعْضُهُمْ: لَسْنَا نَسْأَلُهُ. فَقَامَ رَجُلٌ مِنْهُمْ فَقَالَ: يَا أَبَا الْقَاسِمِ، مَا الرُّوحُ؟ فَسَكَتَ، فَقُلْتُ: إِنَّهُ يُوحَى إِلَيْهِ، فَقُمْتُ، فَلَمَّا انْجَلَى عَنْهُ، فَقَالَ: ﴿وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتُوا مِنْ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا﴾ }

Maksudnya: Daripada ‘Abdullah RA telah berkata: “Ketika saya berjalan bersama Rasulullah SAW melalui reruntuhan rumah-rumah di Madinah, sedang Nabi SAW berpegang pada sebatang tongkat dari pelepah tamar; kami melalui sekumpulan orang Yahudi. Salah seorang dari mereka berkata kepada yang lain: “Tanyakanlah kepadanya (Muhammad) masalah roh!” Yang lain berkata: “Jangan! Kalau-kalau dia memberi jawapan yang kurang menyenangkan.” Kata yang lain pula: “Kita perlu bertanya kepadanya.” Lalu salah seorang dari mereka berdiri dan bertanya: “Wahai, Abū Qāsim! Apakah yang dimaksud dengan roh?” Nabi SAW diam sebentar. Saya kira ketika itu wahyu sedang turun kepada Baginda SAW dan saya masih saja berdiri di belakang Baginda SAW hingga wahyu itu selesai turun. Kemudian Baginda SAW membaca: {Mereka bertanya kepadamu perihal masalah roh. Katakanlah kepada mereka, roh itu urusan Tuhan belaka. Kamu tidak akan diajarkan perihal roh itu kecuali hanya sedikit} [*al-Isrā’* ayat 85].” (Hadis. Al-Bukhariyy. *Bāb Qawl Allāh Ta’ālā Wa Mā Ūtītum Min ‘Ilm Illā Qalīlā*. 125).

Hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah RA bertemakan persoalan seorang Yahudi tentang roh. Analisis teknik dialog antara Nabi SAW dengan seorang Yahudi adalah seperti berikut: dimulakan dengan kata seruan (يا) dan diikuti dengan laras bahasa pertanyaan (الاستفهام) iaitu laras bahasa yang memerlukan jawapan dan penerangan tentang sesuatu perkara. Partikel (ما) digunakan untuk bertanya sesuatu perkara yang tidak diketahui (*Al-Rajīhī*, 2000). Hadis-hadis naratif menggunakan teknik dialog merupakan teknik penceritaan utama dan dominan. Teknik dialog ini dimanfaatkan dalam hadis naratif yang menjadikan sesuatu penceritaan sangat menarik (‘Iz al-Dīn, 1984; Itr, 2013).

Teknik Perulangan

Mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat* perulangan membawa maksud perihal berulang (ulang-ulang) (Baharum et al., 2005). Manakala menurut Kamaruddin (1998) perulangan ialah unsur yang membawa maksud: “Perihal yang berulang-ulang atau sesuatu yang diulang-ulang. Perulangan dalam sastera menunjukkan kepada perulangan kata-kata yang

sejajar dalam baris yang berikutnya. Perulangan mungkin berlaku di bahagian awal, tengah atau akhir perkataan.”

Dalam hadis naratif terdapat beberapa teknik perulangan tema cerita, ayat, perkataan, rima dan diksi (pemilihan kata). Penggunaan teknik ini untuk mengukuhkan lagi mesej yang hendak disampaikan. Terdapat mesej atau pengajaran dalam hadis diulang-ulang penyampaian untuk meninggalkan kesan mendalam pada umat Islam (‘Iz al-Dīn, 1984; Talib, 2002; Umaimah, 2010). Contoh teknik pengulangan dalam hadis *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* dapat dilihat seperti di bawah:

{ عَنْ عُمَرَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «الْأَعْمَالُ بِالْيَتَةِ، وَلِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَهَاجَرَ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوُّجُهَا، فَهَاجَرَ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ }

Maksudnya: Daripada ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Setiap amal harus disertai dengan niat. Balasan bagi setiap amal manusia, ialah pahala bagi apa yang diniatkannya. Maka barangsiapa (niat) hijrahnya kerana Allah SWT dan Rasul-Nya, baginya pahala hijrah kerana Allah SWT dan Rasul-Nya. Dan barangsiapa (niat) hijrahnya kerana dunia yang hendak diperolehnya atau kerana perempuan yang hendak dikahwininya, maka (pahala) hijrahnya sesuai dengan niatnya untuk apa yang dia hijrah.” (Hadis. Al-Bukhariyy. *Bāb Mā Jā Inna al-‘Amāl Bi al-Niyyat Wa al-Ḥisbah*. 54)

Hadis yang diriwayatkan daripada ‘Umar RA bertemakan bab perkara segala amalan itu dengan niat dan tujuan mencari pahala (Jawiah et al, 2017). Analisis teknik perulangan dalam hadis di atas adalah seperti berikut: Ayat *al-sharḥ* (فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ

فَهَاجَرَ) diulang sebanyak dua kali. Perulangan ini merupakan penegasan yang disebut sebagai *tawkid lafzi* dalam bahasa Arab (Al-Rajīhī, 2000). Teknik pengulangan digunakan dalam hadis naratif bertujuan mengukuhkan lagi mesej yang hendak disampaikan. Mesej atau pengajaran dalam hadis diulang-ulang penyampaian untuk meninggalkan kesan mendalam pada umat Islam (Talib, 2002).

Teknik *Amthāl* atau *Tamthīl*

Teknik *amthāl* merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mempersembahkan kisah-kisah yang terdapat di dalam hadis. Kaedah atau teknik ini menurut Mustafa (1989) membawa maksud sesuatu penceritaan yang merupakan kiasan, *qias*, *tamthīl*, ibarat atau perbandingan yang penuh dengan pengajaran, pendidikan dan pembentukan keperibadian Islam.

Tamthīl bererti perumpamaan. Rasulullah SAW dalam memberi penjelasan kepada para sahabat selalu menggunakan bahasa *tamthīl*. Penggunaan bahasa seumpama ini tentu dimaksudkan agar pesan yang disampaikan mudah difahami para sahabat. Walau demikian, nyata terdapat beberapa jenis *tamthīl* yang pemahamannya memerlukan penjelasan lebih lanjut. Oleh sebab itu, terdapat dua jenis pemahaman terhadap hadis berbahasa perumpamaan. Jenis *tamthīl* pertama difahami secara tekstual, dan jenis *tamthīl* kedua harus difahami secara kontekstual (Ikhtom, 2015).

Lantaran itu, jelas terbukti bahawa kisah-kisah dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukharī* juga bermatlamat menjadi gagasan yang berteraskan teknik *amthāl* atau perbandingan (Talib, 2002). Satu daripada hadis yang membuktikan penggunaan kaedah atau teknik *amthāl* adalah seperti yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukharī*:

{ عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَثَلُكُمْ وَمَثَلُ أَهْلِ الْكِتَابِينَ، كَمَثَلِ رَجُلٍ اسْتَأْجَرَ أَجْرَاءَ، فَقَالَ: مَنْ يَعْمَلْ لِي مِنْ عُدْوَةٍ إِلَى نِصْفِ النَّهَارِ عَلَى قِيرَاطٍ؟ فَعَمِلَتِ الْيَهُودُ، ثُمَّ قَالَ:

مَنْ يَعْمَلُ لِي مِنْ نِصْفِ النَّهَارِ إِلَى صَلَاةِ الْعَصْرِ عَلَى قِيرَاطٍ؟ فَعَمِلَتِ النَّصَارَى، ثُمَّ قَالَ: مَنْ يَعْمَلُ لِي مِنَ الْعَصْرِ إِلَى أَنْ تَغِيْبَ الشَّمْسُ عَلَى قِيرَاطَيْنِ؟ فَأَنْتُمْ هُمْ، فَعَضِبَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى، فَقَالُوا: مَا لَنَا، أَكْثَرَ عَمَلًا، وَأَقَلَّ عَطَاءً؟! قَالَ: هَلْ نَقَصْتُمْ مِنْ حَقِّكُمْ؟ قَالُوا: لَا. قَالَ: فَذَلِكَ فَضْلِي أُوتِيهِ مَنْ أَشَاءُ» {

Maksudnya: *Daripada Ibn 'Umar RA, daripada Nabi SAW telah bersabda: "Perumpamaan kaum Muslimin dengan Yahudi dan Nasrani, bagaikan seorang lelaki mengupah suatu pekerjaan." Lalu dia (pengupah) berkata: "Siapa yang akan bekerja untukku dari pagi sehingga tengahari dengan satu upah?" Maka Yahudi yang melakukannya. Kemudian dia berkata: "Siapa yang akan bekerja untukku dari tengahari sehingga ke waktu asar (petang) dengan satu upah?" Maka Nasrani yang melakukannya. Kemudian dia berkata: "Siapa yang bekerja untukku dari waktu asar (petang) sehingga terbenamnya matahari dengan dua upah? Maka kamu semua yang bekerja (kaum Muslimin)." Lalu Yahudi dan Nasrani berasa marah, mereka pun berkata: "Banyak kerja untuk kami, dan upahnya sedikit?" Dia bertanya: "Adakah aku mengurangkan hak kamu?" Mereka menjawab: "Tidak." Dia berkata: "Itu nikmatku, aku memberinya kepada siapa yang aku mahu".* (Hadis. Al-Bukhariyy. *Bāb Ijārāh Ilā Niṣfal-Nahār*.2175)

Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar RA ini berkisar tentang ganjaran dan kelebihan yang Allah SWT berikan kepada umat Islam berbanding umat terdahulu daripada Yahudi dan Nasrani. Menjadi hak Allah SWT untuk memuliakan sesiapa saja yang dikehendaki-Nya dan dengan itu setiap amalan yang dilakukan oleh umat Islam akan dilipatgandakan ganjarannya di sisi Allah SWT (Ibn Hajar, 2013; <https://www.dorar.net/hadith/sharh/70417>, 2021). Teknik *amthāl* ini dimulakan dengan perkataan (مَثَلٌ) sebagai subjek yang bermaksud umpama atau ibarat, kemudian disusuli dengan cerita yang hendak dikisahkan atau disampaikan. Dari segi struktur pula, cerita ini merupakan predikat kepada perkataan (مَثَلٌ). Teknik *amthāl* merupakan satu teknik yang menggunakan perlambangan atau perbandingan dalam penceritaannya (Talib, 2002). Ia merupakan salah satu variasi penceritaan hadis naratif. Teknik ini merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mempersembahkan kisah-kisah yang terdapat dalam hadis.

Teknik Pemerian

Teknik pemerian merujuk kepada "Wacana atau gambaran yang begitu terperinci supaya pembaca atau pendengar melihat, mendengar, merasa atau menghidu dengan berkesan sekurang-kurangnya melalui imajinasinya" (Hashim, 1987). Pengarang menceritakan atau memberitahu pembaca tentang segala sesuatu mengenai peristiwa yang diceritakan. Dengan lain perkataan, pengarang mahu pembaca mengetahui daripada pengarang sendiri.

Tujuan utama teknik pengisahan ini adalah untuk menimbulkan minat dan mungkin menghiburkan walaupun pada dasarnya ia bertujuan sebagai mengajar dan memberitahu (Hashim, 1987).

Teknik penceritaan yang terdapat dalam hadis naratif selari dengan dasar-dasar teori naratif Melayu, teori naratif Islam dan teori naratif barat (naratologi) ialah teknik pemerian (deskripsi). Teknik pemerian ini sangat berguna untuk melukiskan suasana latar, peristiwa, masa dan perincian diri watak-watak yang mendukungi suatu perjalanan cerita (Talib, 2002). Hal ini lebih jelas kiranya diteliti dalam hadis berikut:

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَوَّلُ زُمْرَةٍ تَلِيحُ الْجَنَّةَ صُورَتُهُمْ عَلَى صُورَةِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ، لَا يَبْصُقُونَ فِيهَا وَلَا يَمْتَخِطُونَ وَلَا يَتَعَوَّطُونَ، آتَيْتُهُمْ فِيهَا الذَّهَبَ، أَمْشَاطُهُمْ مِنْ

الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، وَجَمَامِرُهُمُ الْأَلْوَةُ، وَرَشْحُهُمُ الْمِسْكُ، وَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ زَوْجَتَانِ، يُرَى مَخْرَجُ سَوْقِهِمَا مِنْ وَرَاءِ
اللَّحْمِ مِنَ الْحُسْنِ، لَا اخْتِلَافَ بَيْنَهُمْ وَلَا تَبَاعُضَ، قُلُوبُهُمْ قَلْبٌ وَاحِدٌ، يُسَبِّحُونَ اللَّهَ بُكْرَةً وَعَشِيًّا» {

Maksudnya: Daripada Abū Hurairah RA telah berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda: “Golongan yang pertama masuk syurga, rupanya bagaikan bulan pada malam purnama. Mereka tidak merasa demam, tidak selsema, dan tidak berdahak. Bejana mereka dari emas dan perak, sisir dari emas, dan kayu bakar mereka dari aluwah (kayu gaharu). Hati mereka sebagai hati satu orang (bersatu), tidak pernah berselisih dan benci-membenci antara sesama mereka. Setiap seorang di antara mereka mempunyai dua orang isteri. Masing-masing di antara kedua isteri itu nampak sumsum betisnya dan belakang dagingnya kerana sangat indahnyanya. Mereka memuji Tuhan pagi dan petang.” (Hadis. Al-Bukhariyy. Bāb Mā Jāa Fī Şifat al-Jannah Wa Annahā Makhlūqah. 3073)

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA adalah bertemakan gambaran Nabi SAW tentang golongan terawal yang menjadi ahli syurga. Wajah mereka berseri-seri seperti bulan purnama, manakala sifat fizikal dan spiritual mereka tiada kecacatan. Hati mereka bersatu padu dan tiada perselisihan dan kebencian sesama mereka. Mereka juga bertasbih kepada Allah pada waktu siang dan malam (Ibn Hajar, 2013; <https://www.dorar.net/hadith/sharh/4001>, 2021). Teknik pemerian dalam hadis ini melukiskan watak dan perwatakan ahli syurga. Teknik pemerian ini diaplikasikan dalam hadis naratif dan diakui berkesan dalam mendorong umat manusia agar mendekatkan diri kepada Tuhan, mengajar dan menyampaikan ajaran agama Islam dengan jelas serta memberi peringatan kepada umat manusia agar sentiasa berada dalam rahmat Allah SWT (Talib, 2002).

PENUTUP

Teknik penceritaan bukanlah satu teknik yang baharu dalam karangan karya sastera prosa sama ada cerpen, novel, drama dan sebagainya. Kajian telah mendapati bahawa teknik penceritaan al-Quran dan hadis merupakan asas kepada teori teknik penceritaan yang telah menjadi rujukan asas sejak 1400 tahun yang lalu, dan menjadi pencetus utama yang signifikan kepada teori teknik penceritaan dalam prosa sastera atau teks karya asli pengarang masa kini. Teknik penceritaan yang digunakan oleh para pengarang atau sasterawan bertujuan menarik perhatian pembaca dan merangsang perasaan dan jiwa pembaca melalui penghayatan terhadap retorik penceritaan yang pelbagai dalam plot penyampaian. Maka dengan demikian, di sinilah dapat dilihat kejayaan sesebuah hasil karya sastera yang dikarang.

Teknik-teknik penceritaan seperti teknik dialog, teknik pemerian, teknik *amthāl*, teknik pengulangan diaplikasikan dalam hadis naratif dalam *Şaḥīḥ al-Bukharī*. Ini menunjukkan bahawa prinsip-prinsip estetika Islam yang menjadi gagasan menjadikan cerita dan mesej yang ingin disampaikan lebih berkesan. Teknik-teknik ini kesemuanya bersesuaian dengan sifat semulajadi manusia yang suka mendengar cerita sebagai panduan, pengetahuan, pengajaran dan hiburan bermanfaat.

Teknik penceritaan seperti teknik dialog, teknik pemerian dan teknik pengulangan yang terdapat dalam hadis naratif menjadi teknik yang dominan dan berpengaruh dalam teori naratif Melayu, Islam dan barat (naratologi) yang mana sifat kesejagatan (universal) dan kesesuaiannya dengan fitrah manusia digarap dalam hadis naratif dengan begitu jelas.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini melalui Geran Penyelidikan USIM (Kod Penyelidikan: PPPI/KHAS_CB/FPBU/051007/18118).

RUJUKAN

- Ainon, Mohd. 2011. *Panduan Menulis Novel: Teknik Surah Yusuf*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Al-Bukharī, Muhammad bin Isma‘il. 2001. *Al-Jāmi‘ Al-Musnad al-Ṣahīh Al-Mukhtaṣarmin Umūr Rasūlillāh SAW Wa Sunanihi Wa Ayyāmihi (Ṣahīh Al-Bukhārī)*. Bayrut: Dar Tūq Al-Najhā.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Rajīhī, ‘Abduh. 2000. *Al-Naḥw Al-Taṭbīqī*. Kaherah: Dār Al-Ma‘rifah Al-Jām‘iyyah.
- Fatimah, Busu. 2003. *Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif Teori dan Proses*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- H. Fakrur Rozi, M. Ag. 2015. *Hadis Tarbawi*. Semarang: Karya Abadi Jaya.
- Hashim, Awang. 1987. *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ibn Ḥajar, Al-‘Asqalaniyy Ahmad bin ‘Aliyy. 2013. *Fath Al-Bārī Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī*. Bayrut: Al-Risālah Al-‘Ālamīyyah.
- Ikrom, M. Ag. 2015. *Pengantar Ulumul Hadits*. Semarang: Karya Abadi Jaya.
- ‘Itr, Nur Al-Din. 2013. *Fī Zilāl Al-Ḥadīth Al-Nabawī Wa Ma‘ālim Al-Bayān Al-Nabawī*. Kaherah: Dār Al-Salām.
- ‘Iz al-Din, Kamal. 1984. *Al-Ḥadīth Al-Nabawī Al-Sharīf Min al-Wijhat al-Balaghiyyah*. Bayrut: Dār Iqra’.
- Jawiah, Dakir, Muhammad Hilmi, Jamil, Shamsul Azhar, Yahya, Fariza, Md. Sham, Mazlan, Ibrahim, Haziyah, Hussin, Hussine, Hangah. 2017. *Sahih al-Bukhari Terjemahan dan Pengajaran Hadis*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi, Jasmi. 2007. *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Kuala Terengganu: UMT.
- Mustafa, Hj. Daud. 1989. *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Ramli, Isin. 1989. *Berkenalan Dengan Novel*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- S. Othman Kelantan. 1986. *Teknik Mengkaji Novel (Dalam dan Luar)*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Shahnon, Ahmad. 1979. *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib, Samat. 2002. *Karya Terpilih Sasterawan Dalam Esei dan Kritikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.

Jurnal

- Umaimah, Badr Al-Din. 2010. *Al-Tikrār Fī Al-Ḥadīth Al-Nabawī Al-Sharīf*. Majallah Jāmi‘ah Dimashq. Vol. 26 (1&2). Dimashq: Jāmi‘ah Dimashq.

Internet

- Al-Mawsū‘ah Al-Ḥadīthiyah Al-Durar Al-Saniyyah. <https://www.dorar.net/hadith/sharh/> (diakses pada 1 Disember 2021).
- Kamus Dewan. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=naratif> (diakses pada 3 April 2021).
- Mawsu‘ah Ṣahīh Al-Bukharī. <https://www.bukhari-pedia.net/> (diakses pada 1 April, 2021).
- Mutiara Hadis. <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/> (diakses 1 April 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.